



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[CRITICAL EVALUATION OF THE DISSERTATION 'PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NAZIM AL-QUBRUSI MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH': A STUDY OF DIVINE ISSUES]

PENILAIAN KRITIS DISERTASI 'PEMIKIRAN AKIDAH SHAYKH NAZIM AL-QUBRUSI MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH': KAJIAN ISU KETUHANAN

AHMAD ARIF ZULKEFLI^{1*}
MUHAMMAD AYMAN AL-AKITI¹
ZAINUL ABIDIN ABDUL HALIM¹
ABDULLAH ZAWAWI MOHD ZAWAWI¹

¹Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Kulliyah Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: ahmadarif@iiium.edu.my

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

This article contains a critical evaluation of the dissertation entitled 'Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut *Ahli Sunnah Wal Jamaah*'. The researcher study the aspects of Aqidah and Sufism of Syekh Nazim al-Qubrusi and concludes that his ideas are not in line with *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Since Syekh Nazim's Sufi Order has been approved in the Muzakarah of MKI and Negeri Sembilan, this article aims to: First, re-evaluate the data presented and the interpretations on them especially in divine issues. Second, address any errors or inaccuracies in the original study and provide a more accurate understanding of Syekh Nazim's teachings. The review uses a qualitative approach and relies on a content analysis of the original study. The data was then analyzed by comparing it to the turath of Ahli Sunnah Wal Jamaah's scholar. The authors identifies several errors in the original study, including misquoting and misunderstandings of Syekh Nazim's words, and a lack of consideration for differences in Ash'ari scholars' opinions. These errors may have been caused by the researcher's negligence or by their reliance on the conclusions of third parties.

Keywords: Critical Evaluation, Syekh Nazim al-Qubrusi, Misundertanding, Content Analysis, Divine Issue

Abstrak

Artikel ini mengandungi penilaian kritikal terhadap tesis bertajuk 'Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah'. Pengkaji mengkaji aspek *Aqidah* dan Tasawuf Syekh Nazim al-Qubrusi dan menyimpulkan bahawa idea-idea beliau tidak sejajar dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Memandangkan Tarekat Syekh Nazim telah diluluskan dalam Muzakarah MKI dan Negeri Sembilan, artikel ini bertujuan: Pertama, menilai semula data yang dikemukakan dan interpretasi terhadap tokoh terutamanya dalam isu-isu ketuhanan. Kedua, menangani sebarang kesilapan atau ketidak tepatan dalam kajian asal dan menyediakan pemahaman yang lebih tepat terhadap idea Syekh Nazim. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan melihat kepada kandungan kajian asal. Data kemudiannya dianalisis dengan membandingkannya dengan turath (warisan) ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Beberapa kesilapan dalam kajian asal ini dikenalpasti, termasuk salah nukilan dan salah faham terhadap perkataan Syekh Nazim, dan tidak meraikan khilaf di kalangan ulama al-Asya'irah. Kesilapan-kesilapan ini mungkin disebabkan oleh kecuaiian penyelidik atau oleh bergantung pada kesimpulan pihak ketiga.

Kata kunci: Penilaian Kritis, Syekh Nazim al-Qubrusi, Salah Faham, Analisis Kandungan, Isu Ketuhanan

Cite as: Ahmad Arif Zulkefli, Muhammad Ayman Al-Akiti, Zainul Abidin Abdul Halim & Abdullah Zawawi Mohd Zawawi. 2023. Penilaian Kritis Disertasi 'Pemikiran Akidah Shaykh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah'. [Critical Evaluation Of The Dissertation 'Pemikiran Akidah Shaykh Nazim Al-Qubrusimenurut Ahli Sunnah Wal Jamaah': A Study Of Divine Issues]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 52-72.

PENGENALAN

Menurut al-Baqillani, al-Juwaini, al-Ghazali dan al-Sanusi, pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah berkaitan sifat Allah SWT secara umum ialah Allah SWT bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan suci daripada segala sifat kekurangan. Secara khusus pula, seorang *mukallaf* wajib mengetahui dua puluh sifat wajib bagi Allah SWT dengan terperinci (al-Sanusi, 2019: 47). Salah satu daripada sifat-sifat itu ialah *al-mukhalafah li al-hawadith* yang bererti Allah SWT tidak menyerupai mana-mana makhlukNya dari semua sudut. Adalah menjadi satu kesalahan dalam akidah apabila mengatakan Allah SWT itu berjisim (*tajsim*) walaupun tidak seperti makhluk atau menyerupakan (*tasybih*) Allah SWT dengan mana-mana makhluk seumpama meyakini Allah SWT ketawa, berada di arah tertentu (al-Sugtani, 2020: 206), atau menisbahkanNya dengan perasaan-perasaan tertentu (al-Baqillani, 1957: 27; 'Abd al-Mukti, 1999: 39).

Baru-baru ini, muncul dakwaan daripada sesetengah pihak berkaitan pemikiran Syekh Nazim al-Qubrusi dari sudut ketuhanan. Menurut mereka, akidah beliau sebenarnya bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perkara ini dapat dilihat dalam sebuah disertasi berjudul: '*Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah*'. Ringkasnya, kajian ini telah membincangkan pemikiran akidah Syekh Nazim al-Qubrusi dalam tiga sudut berbeza iaitu ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib. Artikel ini akan mengkhususkan perbincangan berkaitan ketuhanan sahaja di mana pengkaji kajian ilmiah tersebut (selepas ini dirujuk

sebagai ‘pengkaji’) telah mendakwa bahawa akidah Syekh Nazim al-Qubrusi dalam isu ketuhanan adalah bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana rumusan berikut:

“Setelah membuat perbandingan-perbandingan dengan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah, maka penulis membuat kesimpulan bahawa pemikiran akidah Syekh Nazim sangat bertentangan dengan apa yang dibawa oleh jumbuh ulama. Pemikiran akidah yang dibawa oleh beliau bercampur aduk dengan beberapa mazhab akidah seperti yang telah penulis sebutkan”

(Pengkaji, 2020: 281)

Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk menilai semula data yang dikemukakan dalam kajian tersebut dan menjelaskan kedudukannya yang sebenar menurut perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kerangka yang diguna pakai di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data menggunakan metodologi kajian kepustakaan. Kajian ini memilih disertasi berjudul ‘*Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah*’ sebagai sumber utama. Manakala kaedah penganalisan data pula menggunakan metodologi analisis kandungan dengan menggunakan kaedah perbandingan iaitu dengan membandingkan data-data tersebut dengan karya *turath* para ilmuwan Islam untuk mendapatkan huraian dan penjelasan sebenar berkaitan pemikiran akidah Syekh Nazim.

ANALISIS DATA

Dalam kajian tersebut, kumpulan penulis artikel ini (selepas ini dirujuk sebagai ‘penulis’) mendapati terdapat beberapa kepincangan akademik berlaku seperti nukilan tidak mengikut konteks, membuat andaian sendiri, *ilzam* (mengatakan sesuatu yang tidak dikatakan oleh tokoh), tidak melakukan kajian dan pembacaan secara holistik, serta tidak melakukan rujukan silang (*cross reference*) dengan sumber-sumber lain milik tokoh. Pengkaji juga dilihat terlalu cepat dalam membuat kesimpulan terhadap pegangan akidah individu yang dikaji iaitu Syekh Muhammad Nazim Adil al-Haqqani al-Qubrusi (w. 2014M) tetapi pada waktu yang sama, tidak mengemukakan maklumat berkaitan yang terdapat di dalam rekod institusi-institusi agama di Malaysia berkaitan individu tersebut.

Jika dilihat kembali, pengkaji sama sekali tidak menemu bual Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan walaupun terdapat Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Darul Khusus pada tahun 2018 yang telah meluluskan pendaftaran tarekat yang dibawa oleh individu ini, membenarkan pengamalannya dan sekaligus mengiktiraf beliau (Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil 1/2018 – 1439H). Begitu juga, tidak terdapat sebarang temu bual dengan pihak berkaitan seperti keluarga atau murid-murid tokoh dalam proses mengklarifikasikan maklumat. Bahkan dari sudut akademik, perkara ini adalah satu kemestian bagi mendapatkan maklumat yang tepat serta tidak

membuat kesimpulan yang bersifat tidak adil. Inilah antara punca berlakunya ketidakabsahan maklumat (*unreliable information*) di dalam kajian ini. Berikut adalah kritikan terhadap fakta-fakta yang dikemukakan dalam kajian ini:

Dalam aspek penulisan, penggunaan sistem rujukan oleh pengkaji menunjukkan kekurangan dan tidak memuaskan kerana hanya menyebut nama pengarang dan tahun cetakan sahaja, tanpa menyatakan halaman teks yang dinukil. Begitu juga pengkaji dalam banyak tempat menyebutkan pelbagai dakwaan terhadap Syekh Nazim, namun hanya menukilkan beberapa baris daripada teks Syekh Nazim tanpa menyebutkan halaman, bahkan kadang-kadang langsung tidak menukilkan teks asal Syekh Nazim sehingga menyukarkan pembaca untuk merujuk sumber asal teks tersebut.

Bagi menjawab dakwaan-dakwaan dalam kajian tersebut, penulis membawa teks penuh daripada karya-karya Syekh Nazim yang diisyaratkan oleh pengkaji sesuai dengan konteksnya serta menjelaskannya satu persatu. Setiap perbahasan akan didahului dengan analisis pengkaji terhadap pemikiran akidah Syekh Nazim, setelah itu baru dinyatakan penjelasannya sepertimana perbahasannya di bawah;

1. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim mengatakan kalam Allah SWT itu berbahasa. Beliau berkata:

“Menurut Syekh Nazim , Kalam Allah SWT adalah berbahasa. Hal ini dijelaskan bila mana beliau mengatakan bahawa akan datang suatu zaman, manusia akan kembali kepada jalan Allah SWT, maka mereka akan bertutur dengan ‘bahasa Ilahi’. Buat masa sekarang, manusia menunggu datangnya satu guru besar yang akan mengajar bahasa Allah SWT tersebut kepada manusia, katanya (al-Qubrusi 1980): “We are waiting for a big teacher to come and teach Allah SWT’s language with divine power!” Maksudnya: “Kita sedang menunggu seorang guru besar untuk mengajar bahasa Allah SWT dengan kuasa Ilahi”. Tambah beliau lagi, Allah SWT berbicara kepada manusia melalui perantaraan para nabi dan kitab-kitab suci. Kitab-kitab suci ini adalah Kalam Allah SWT dan perkataan-perkataan Allah SWT. Menurut beliau lagi, Nabi Muhammad SAW itu adalah penterjemah Kalam Allah SWT (al-Qubrusi 2001)”

(Pengkaji, 2020: 111, 234)

Sekiranya diperhatikan, maksud ‘*Allah SWT’s language*’ di sini ialah bahasa atau perkataan yang mulia dan terpuji (mahmudah), bukan kalam Allah SWT itu berbahasa seperti kalam makhluk, kerana jika dilihat sebelum ayat tersebut, Syekh Nazim menyebutkan tentang bahasa syaitan. Sekiranya perkara ini difahami secara literal, maka bererti syaitan juga mempunyai bahasanya yang tersendiri. Jadi, adakah bahasa syaitan tersebut adalah perkara yang berhuruf dan berbahasa juga? Semestinya tidak sesuai dengan konteks. Justeru itu, ia tidak boleh difahami secara literal. Bahkan yang dimaksudkan dengan bahasa syaitan di sini ialah perkataan yang buruk atau tercela (madhmumah) seperti yang disebutkan oleh Syekh Nazim sendiri:

“Satan’s language is the cause of all troubles. Those words come out like fire. They must destroy both the one who speaks, and the one who listens. They make traps for men, catching them and throwing them into hell. Now we are living in a time when all people, from the highest to the lowest, are speaking Satan’s language; each one making traps for another. Mankind and nations are on this way until they return to Allah SWT’s ways. Until there is Allah SWT’s language, no love will live among people. It is the honour of mankind to speak Divine languages. He who likes Allah SWT must speak Holy words. Therefore, we are waiting for a big teacher to come and teach Allah SWT’s language with Divine power!”

(al-Qubrusi, 1980: 36, 37)

Di sini menunjukkan bahawa pengkaji seolah-olah tidak memahami metafora bahasa Inggeris sehingga berlaku salah faham konteks apa yang ingin disampaikan oleh Syekh Nazim .

‘Allah SWT’s language’ di sini juga boleh difahami dengan makna kalam *lafdzi* atau *hissi* yang berhuruf, bersuara dan berbahasa, yang Allah SWT jadikan dan turunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab, yang memberi petunjuk bahawa sabitnya kalam *nafsi* pada zat Allah SWT (Abd al-Rahman, 1969: 21, 23, 24). Ia bukan dengan makna kalam *nafsi* Allah SWT yang *qadim*, azali dan *wujudi* yang ada pada zatNya. Perkara ini dapat difahami melalui nukilan dari buku *Mercy Ocean Hidden Treasures* berikut:

“The Qur’an is the eternal speech of Allah SWT (Kalam-Allah SWT ul-Azali) and has been transmitted to mankind in the Arabic language. Because of the mystical power of its sounds, the sound of the Qur’an has been known to melt the hearts of the most stubborn unbelievers who understood not a word of Arabic language; a translation of its meaning may be useful indeed, but it cannot stand in the place of the original, neither in prayer nor spiritual benefit. it cannot really be translated into any other language; a translation of its meaning may be useful indeed”

(al-Qubrusi, 1981: 213)

Ini juga membuktikan bahawa Syekh Nazim bukanlah berpegang dengan akidah al-Mu‘tazilah yang menganggap bahawa kalam Allah SWT itu makhluk seperti dakwaan pengkaji (Pengkaji, 2020: 234).

Sekiranya benar dakwaan pengkaji bahawa beliau telah meneliti semua karya Syekh Nazim (Pengkaji, 2020: 265), sudah pasti beliau akan menemui penjelasan ini memandangkan buku *Mercy Ocean Hidden Treasures* ini adalah antara buku rujukan utama pengkaji dalam kajiannya.

2. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim telah menamakan Allah SWT dengan nama-nama yang tiada sandarannya di dalam nas dan perkara ini tidak dibolehkan. Beliau berkata:

“Kembali kepada Syekh Nazim, antara nama yang diberikan oleh beliau

terhadap Allah SWT ialah designer (al-Qubrusi 2012), power station (al-Qubrusi 1980) dan curator (al-Qubrusi 1991). Penamaan seperti ini telah dijelaskan oleh ulama-ulama silam Ahli Sunnah Waljamaah. Jika mahu menyebut Allah SWT itu Pencipta, maka memadai menyebut nama Allah SWT al-Khaliq atau dalam Bahasa Inggerisnya the Creator, dan nama ini selayaknya bagi Allah SWT dengan membawa pengertian Allah SWT yang mengadakan sesuatu perkara daripada tiada kepada ada. Sedangkan designer dan curator ini ada limitasi dan hanya layak untuk makhluk, bukan untuk Allah SWT. Power Station pula langsung tiada sandaran bagi Syekh Nazim untuk menamakan Allah SWT dengan demikian itu”

(Pengkaji, 2020: 234)

Dalam membina asas hujahnya itu, beliau mendakwa ketidakbolehan ini adalah berdasarkan ijmak para ulama:

“Ulama Ahli Sunnah Waljamaah sepakat secara ijmak bahawasanya nama dan sifat Allah SWT adalah bersifat tawqifiyyah yakni, terhenti setakat apa yang dikhabarkan daripada al-Quran, hadith dan ijmak”

(Pengkaji, 2020: 244)

Beliau juga menukilkan kata-kata Abu al-Hasan al-Ash‘ari, al-Tahawi dan Ahmad bin Hanbal serta membuat kesimpulan berikut:

“Memahami apa yang disebut oleh ulama-ulama di atas, maka orang yang mentauhidkan Allah SWT dan mengimani-Nya tidak akan sewenangnyanya menamakan Allah SWT dengan nama-nama yang terlintas di benaknya. Malah orang yang beriman, mereka hanya memanggil Allah SWT dengan nama-nama Allah SWT yang mulia dan sempurna”

(Pengkaji, 2020: 245-246)

Untuk memahami perkara ini, kita harus meneliti perbincangan mengenai ‘power station’ dengan melihat konteks penuh Syekh Nazim. Beliau menyebutkan:

*“Our Grandshaykh says, “Allah SWT says that He has all power, and that His servants are powerless. Only Allah SWT has absolute power. Now, people are saying, We have power! They don’t accept their powerlessness... **“Allah SWT is the main power station for all creatures.** Therefore, Muhammad (peace be upon him) asked his Lord, ‘O my Lord! Don’t leave me to myself! If You leave me to myself, I will perish!’ The Prophet (peace be upon him) had exact knowledge of this point. Therefore, he was asking for Divine help and Divine power every second, every moment, in all conditions throughout his life. If a man knows this point (yaqin), he knows that as much as you are powerless, you must ask from your Lord”*

(al-Qubrusi, 1980 127)

Apa yang dimaksudkan oleh Syekh Nazim dengan ‘*power stations*’ ialah Allah SWT merupakan sumber kekuatan kerana Dia mempunyai *qudrah* yang mutlaq dan hamba langsung tidak mempunyai apa-apa *qudrah* secara hakikatnya. Makhluk dan setiap perbuatan mereka adalah dengan *qudrah* Allah SWT semata-mata. Ini bertepatan dengan konsep *tathir* disisi Ahli Sunnah Wal Jamaah al-Asya’irah bahawa tidak ada yang memberi kesan melainkan Allah SWT sahaja (لا مؤثر إلا الله) kerana jika sesuatu itu boleh memberi kesan sama ada dengan *tabi’ah*, *tawallud* atau melalui *al-quwwah muda’ah* seperti yang disebutkan oleh al-Sanusi, maka nescaya Allah SWT itu berhajat kepada *wasitah* dalam penciptaanNya dan ini adalah mustahil (al-Dusuqi 2003: 343). Perkara ini juga telah dihuraikan oleh kumpulan penulis dalam artikel berjudul ‘*Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah: Ulasan Kritikal Terhadap Dakwaan Dalam Isu-Isu Tasawuf*’ (Zawawi et al, 2021: 22-23).

Manakala ‘*the designer*’ pula, ia adalah terjemahan bagi ‘*al-Musawwir*’ dan apa yang beliau maksudkan dengannya ialah Allah SWT merupakan ‘*designer*’ (pereka) bagi setiap makhluk yakni dengan sifat *iradah*Nya, Dia mentakhsiskan setiap makhluk dengan pelbagai bentuk, ciri, rupa, masa dan sebagainya. Allah SWT jugalah yang merekayasa susunan peraturan alam ini dengan terperinci agar ia berjalan dengan baik, sistematik dan sempurna. Teks penuh Syekh Nazim adalah seperti berikut:

“Al-Musawwir: The Designer or The Fashioner. The perfect artist who gives everything the most unique, beautiful and perfect form and shape. When He creates, He just says "BE" and a whole universe becomes”

(al-Qubrusi, 2012: 69)

“He is the Creator of the coming days and the Designer of every day’s program. Don’t think that any day may come by itself without a program, no. Every day must come by His Will, and everything, which is coming into existence, which will appear tomorrow, is programmed by Him with all the details, not only with the headlines”

(al-Qubrusi, 2012: 142)

Perkara yang sama juga dilakukan oleh pengkaji berbangsa Inggeris David B. Burrell dan Nazih Daher yang menterjemahkan perkataan ‘*al-Musawwir*’ dengan ‘*Fashioner*’:

“As for the name ‘Fashioner’ [al-Musawwir], it belongs to Him inasmuch as He arranges the forms of things in the finest order and form them in the finest way ...”

(Burrell & Daher, 1992: 69)

Berkenaan dengan ‘*the curator*’ pula, apa yang dimaksudkan oleh Syekh Nazim dalam nukilan tersebut ialah sebagai seorang Mukmin, kita haruslah mendekati diri kepada Allah SWT. Bagi mereka yang di peringkat permulaan (*maqam al-mubtadi’in*), hendaklah meminta pertolongan kepada Allah SWT dalam apa jua perkara. Namun apabila sudah sampai di

peringkat yang tinggi (*maqam alin*), seseorang itu tidak lagi meminta sesuatu kepada Allah SWT kerana menjaga adab denganNya dan kerana menyedari hakikat dirinya adalah hak milik Allah SWT secara mutlak serta Allah SWT mengetahui setiap *ahwalnya*, adakah dia memerlukan sesuatu pertolongan atau tidak kerana ilmuNya adalah sempurna. Namun, sekiranya dia diperintahkan untuk meminta, maka haruslah meminta seperti Nabi Muhammad SAW ketika diperintahkan (سل تعطى) (Ahmad, 2001: 19/454), begitu juga Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, malaikat Jibril datang menawarkan pertolongan tetapi ditolak oleh baginda kerana memahami hakikat bahawa Allah SWT lebih mengetahui halnya ketika itu. Maka kerana itulah Syekh Nazim mengatakan:

“A curator knows where everyone is present. This Curator (almighty Allah SWT), knows all the needs of His servants because he has an absolute and perfect knowledge”

(al-Qubrusi, 1990: 82)

Ia juga merupakan salah satu makna bagi sifat ‘*al-Hasib*’ yang diterjemahkan sebagai ‘*The Reckoner*’:

“Al-Hasib- The Reckoner is the one who suffices, for He is all one needs who belongs to Him. God is the measurer of every single thing and the one who suffices for it. And it is inconceivable that this attribute, in its essential reality, be said of anything else, since for anything to be sufficient it must itself be all that it needs for its existence, the permanence of its existence, and the perfection of its existence. And there is nothing in existence which by itself suffices for anything, except God - great and glorious, for He alone suffices for everything, not for some things only. He alone suffices, that is, in that things attain existence from Him, and their existence perdures and is made perfect by Him”

(Burrel & Daher, 1992: 110)

Ada juga di kalangan intelektual yang menterjemahkan sifat ini dengan makna ‘*The Accountant*’:

“Al-Hasib - The Accountant, The Sufficient ... Hasib is an aggrandizement of the verbal noun Hasib which means one who takes account. Hasib encompasses the meaning of counting, calculating, being sufficient, and honor. For example, in the Quran, Allah SWT says of the gifts of Paradise: A recompense from your Lord, a sufficient (hasiban) gift. [78:36]”

(Yousef, 2020: 385)

Penggunaan ‘*curator*’ di sini bukanlah dengan makna sama seperti makhluk, namun ia hanyalah untuk memberi kefahaman bahawa Allah SWT itu mengetahui segala sesuatu seperti seorang kurator perpustakaan tahu di manakah kedudukan sesebuah buku dan keadaannya, namun tetap sahaja menyucikan Allah SWT daripada sebarang sifat kekurangan

seperti yang disebutkan sebelum ini.

Persamaan pada sifat dan nama yang dinisbahkan kepada Allah SWT dan makhluk tidak semestinya menunjukkan persamaan dan perkongsian pada maknanya. Sebagai contoh sifat *qadim*, meskipun ia digunakan pada hak Allah SWT dan makhluk, akan tetapi makna yang difahami daripada setiap satunya adalah berbeza. *Qadim* Allah SWT bererti Dia tidak mempunyai permulaan, manakala *qadim* makhluk pula membawa konotasi sesuatu yang sangat lama, namun tetap saja ada permulaan baginya. Sumber kefahaman ini harus diraikan mengikut uruf penggunaan bahasa setempat.

Seterusnya apa yang disebutkan oleh pengkaji bahawa ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah secara ijmak telah bersepakat bahawasanya nama dan sifat Allah SWT adalah bersifat *tawqifiyyah*, itu tidak tepat. Bahkan di sana terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan *kibar al-'ulama'* tentang keharusan untuk menisbahkan Allah SWT dengan nama yang tidak ada sebarang dalil daripada syarak.

Antara ulama yang mengharuskannya adalah Abu Bakr al-Baqillani. Beliau berpendapat bahawa ia tidak terhad kepada nama-nama yang datang secara *tawqifi* sahaja, bahkan harus juga penggunaan nama-nama lain yang tidak bersifat *tawqifi*. Namun, dengan syarat ia tidak memberi kekeliruan wujudnya sebarang kekurangan bagi Allah SWT. Apa yang disebutkan oleh Syekh Nazim di sini jelas tidak membawa kekeliruan kerana walaupun beliau menisbahkan '*curator*' atau '*power station*' kepada Allah SWT, tetapi itu adalah dengan makna Allah SWT mengetahui setiap perincian hambanya, bahkan beliau turut menyucikan Allah SWT daripada kekurangan dalam ayat yang sama iaitu menyebutkan pengetahuan Allah SWT yang bersifat '*absolute*' dan '*perfect*'. Idris bin Ahmad al-Wazzani al-Fasi (wafat pertengahan kurun ke 14H) di dalam *Nashr al-Tayyib ala Syarh al-Syekh al-Tayyib* menukilkan:

قوله (توقيفية الخ) أي لا يطلق عليه اسم إلا بتوقف من الشارع بأن يرد به الكتاب والسنة والإجماع وهذا مذهب الأشعري ومن تبعه وصححه السبكي وقالت المعتزلة يجوز أن نطلق عليه الأسماء اللائق معناها به تعالى وإن لم يرد بها الشرع ومال إليه الباقلاني. قال: كل لفظ دل على معنى ثابت لله تعالى يجوز إطلاقه عليه بلا توقيف إذا لم يكن موهما فمن ثم لم يجوز إطلاق عارف وفقهه ونحوهما. وذهب الإمام الغزالي إلى جواز إطلاق ما علم اتصافه به على طريق التوصيف دون التسمية لأن إجراء الصفة إخبار بثبوت مدلولها يجوز عند ثبوت المدلول إلا لمانع بخلاف التسمية فإنها تصرف في المسمى وهو تعالى منزّه عن تصرف فيه اه.

Terjemahan: “(*Tawqifiyyah*...) yakni tidak boleh ditlakkan nama bagi Allah SWT kecuali dengan apa yang datang daripada al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijmak, inilah mazhab al-Ash'ari serta mereka yang mengikutinya, dan ia disahkan oleh al-Subki. Al-Mu'tazilah berkata: Boleh untuk kita mengitlaqkan kepada Allah SWT nama-nama yang layak bagiNya walaupun tidak disebut oleh syarak, dan pendapat ini dipersetujui oleh al-Baqillani

dan beliau berkata: Setiap lafaz yang menunjukkan makna yang sabit bagi Allah SWT itu harus untuk ditlakkan kepadaNya walaupun tidak disebut oleh syarak, jika tidak memberi waham, justeru itu, tidak boleh mengitlaqkan lafaz 'arif', 'faqih' atau seumpamanya. Manakala al-Ghazali berpendapat harus untuk mengitlaqkan apa yang sememangnya Allah SWT bersifat dengannya dengan cara menyifatkanNya sahaja tanpa menamakanNya, ..."

(al-Wazzani, t.th: 414)

Al-Ghazali di dalam *al-Maqsad al-Asna fi Syarh Asma' Allah al-Husna* berpandangan bahawa setiap yang berkaitan dengan penamaan, maka ia memerlukan izin. Namun bagi perkara yang berkaitan penyifatan, maka ia tidak memerlukan izin. Jika maknanya benar, maka boleh digunakan (al-Ghazali, 1971: 192). Dan jelas di sini, penggunaan 'curator', 'power station', 'accountant' dan sebagainya hanyalah dari sudut sifatNya sahaja, bukanlah memberi nama khusus bagi Allah SWT (*tasmiyah*).

3. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim menyifatkan Allah SWT dengan sifat 'unik'. Beliau berkata:

"... Selain daripada tiga belas sifat yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa sifat lain yang telah beliau menisbakkannya bagi hak Allah SWT iaitu..."

(Pengkaji, 2020: 111)

"Unik. Manusia ini sekaliannya unik kerana berlainan bentuk dan sifat. Sifat unik ini adalah kerana manusia diberikan perkongsian sifat unik Allah SWT. Allah SWT sendiri bersifat dengan unik. Kata Syekh Nazim (al-Qubrusi 2002.b): "Uniqueness is an attribute of our Lord". Maksudnya: "Keunikan ialah sifat bagi Tuhan kita"

(Pengkaji, 2020: 116)

Sekiranya diteliti, unik ini merupakan terjemahan bagi perkataan '*al-Wahid*'. Menurut kamus Hans Wehr, terdapat beberapa makna bagi lafaz 'وحد' di dalam bahasa Inggeris, antaranya adalah '*unique*':

"وحد wahada يحد yahidu (وحدة wahda حدة hida) and wahuda to be alone, unique, singular, unmatched, without equal, incomparable"

(Hans Wehr, 1976: 1054)

Ia juga merupakan terjemahan bagi lafaz '*al-Wahid*' menurut kitab *al-Maqsad al-Asna fi Syarh Asma Allah SWT al-Husna* karangan al-Ghazali yang diterjemahkan oleh David B. Burrell dan Nazih Daher berjudul *The Ninety-Nine Beautiful Names of God*:

“Al-Wahid - the Unique- is the one who can neither be divided nor duplicated. Concerning its not being divisible, it is like a unitary substance which cannot be divided: It is said to be one in the sense that no part of it is itself a substance, as a point has no parts. And God the most high is one in the sense that it is impossible for His essence to be arranged into parts. Concerning its not being able to be duplicated, that reflects it having no equal, like the sun. For while it is subject to division in imagination and is divisible in its essence because it is a kind of body, nevertheless it has no equal, even though it is possible for it to have one”

(Burrel & Daher, 1992: 131)

Justeru itu, tidak ada masalah untuk menterjemahkan nama Allah SWT ‘*al-Ahad*’ atau ‘*al-Wahid*’ dengan ‘*The Unique*’ memandangkan orang Inggeris juga memahami perkataan tersebut sebegitu rupa.

Dari sudut maknanya pula, keunikan manusia itu jelas jika dilihat dari sudut penciptaan manusia itu sendiri yang memiliki roh, nafsu dan akal serta akan dipertanggungjawabkan di Akhirat nanti, berbeza dengan haiwan atau *jamadat* yang lain. Menyebutkan ‘*manusia diberikan perkongsian sifat unik Allah SWT*’ juga tidak menjadi masalah kerana ia bukanlah dengan makna emanasi atau *fyd*, tetapi dengan makna Allah SWT mempunyai sifat unik, manusia juga mempunyai sifat unik, sama seperti mengatakan Allah SWT mempunyai sifat *qudrah*, *iradah* dan sebagainya, manusia juga mempunyai sifat-sifat ini, tetapi semestinya sifat Allah SWT dan sifat manusia itu berbeza *maahiahnya*.

4. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim telah menyalahi pendapat Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana menisbahkan perasaan kepada Allah SWT. Beliau berkata:

“Selain dari itu, Syekh Nazim turut menisbahkan perasaan bagi Allah SWT. Beliau mendakwa Allah SWT mempunyai perasaan bangga dan gembira (al-Qubrusi 2001), cinta (al-Qubrusi 2002.b) dan ego (al-Qubrusi 2002.b). Syekh Nazim juga mendakwa Allah SWT menunggu-nunggu hamba-Nya untuk menziarahi-Nya di Kaabah (al-Qubrusi 2012). Sebagaimana telah dinyatakan, Syekh Nazim acap kali menjadikan terjemahan daripada nas-nas mutashabihat untuk dijadikan dasar akidahnya. Sebagai contoh, beliau menterjemahkannya nama Allah SWT al-Ghayyur sebagai “The Jealous God” (al-Qubrusi 2008). Keyakinan Syekh Nazim ini jelas menyalahi akidah pegangan Ahli Sunnah Waljamaah”

(Pengkaji, 2020: 236)

Para ulama menyatakan bahawa sifat-sifat yang dapat memberi kekeliruan *tasybih* seperti perasaan marah, redha, cinta, memusuhi, rindu dan seumpamanya perlulah dikembalikan kepada makna *iradah* Allah SWT (al-Baqillani 1957: 27). Al-Qaḍi Abu Bakr al-Baqillani ketika menerangkan maksud ‘murka’ dan ‘reda’ bagi Allah SWT berkata:

فإن قال قائل: فهل تقولون إنه تعالى غضبان راض، وإنه موصوف بذلك؟ قيل له: أجل، وغضبه على من غضب عليه ورضاه عمن رضي عنه هما إرادته لإثابة المرضي عنه وعقوبة المغضوب عليه لا غير ذلك.

Terjemahan: Sekiranya seseorang berkata: Adakah kamu mengatakan Allah SWT itu murka dan reda dan Dia bersifat dengannya? Lalu dikatakan kepadanya: Ya kemurkaanNya adalah bagi orang yang Dia murkai, dan keredaanNya adalah bagi orang yang Dia redai, dua sifat ini adalah iradahNya yang memberi ganjaran kepada orang yang diredai dan hukuman bagi orang yang dimurkaiNya, tidak bagi yang lain
(al-Baqillani 1957: 27)

Kemudian, beliau menyambung lagi kata-kata beliau:

فإن قال قائل: فما الدليل على أن غضب الباري ورضاه ورحمة وسخطه هو إرادته لإثابة المرضي عنه ولمنفعة من رضي عنه وعقاب من غضب عليه وإيلامه وضرره؟ قيل له: الدليل على ذلك أن الغضب والرضا إما أن يكونا إرادة للنفع والضرر، أو يكون الغضب تغير الطبع ونفور النفس، والرضى السكون بعد تغير الطبع ولا يجوز أن يكون الباري جل وعز ذا طبع يتغير وينفر ويسكن ولا ممن يألم ويرق.

Terjemahan: Sekiranya seseorang berkata: Apakah dalil bahawa kemurkaan, keredaan, kerahmatan dan kemarahanNya ialah iradahNya untuk mengganjari dan memberi manfaat kepada orang yang diredai dan menghukum orang yang dimurkai? Dikatakan kepadanya: Dalil yang menunjukkan perkara tersebut ialah, kemurkaan dan keredaan itu sama ada ia bererti keinginan untuk memberi manfaat atau mudarat, atau kemurkaan itu bererti perubahan perasaan dan menjauhkan diri, dan keredaan itu bererti kesenangan hati setelah perubahan perasaan, namun mustahil Allah SWT itu mempunyai sifat berubah-ubah (perubahan perasaan), bergerak dan berdiam diri,...

(al-Baqillani 1957: 27)

Kemudian beliau menyebutkan beberapa contoh lain yang termasuk dalam permasalahan yang sama:

وكذلك الحب والبغض والولاية والعداوة هو نفس الإرادة للنفع والإضرار فقط.

Terjemahan: ... begitu juga dengan kecintaan, kemurkaan, wilayah dan permusuhan itu semua adalah iradah (kehendak) untuk memberi manfaat atau mudarat semata-mata

(al-Baqillani 1957: 28)

Sifat-sifat ini juga termasuk di dalam bab 'إطلاق السبب وإرادة المسبب' iaitu menyebutkan sebab tetapi menginginkan natijah atau *lazim* kepada sebab (al-Ghazali, 2012: 124-125). Ini dapat difahami melalui kata-kata al-Ghazali ketika mensyarahkan makna 'kerinduan' pada hadith:

كما قال: لقد طال شوق الأبرار إلى لقائي وأنا إلى لقائهم لأشد شوقاً تعالى الله عما يفهم من معنى لفظ الشوق بالوضع الذي هو نوع ألم وحاجة إلى استراحة، وهو عين النقص، ولكن الشوق سبب لقبول المشتاق إليه والإقبال عليه وإفاضة النعمة لديه فعبر به عن المسبب، وكما عبر بالغضب والرضى عن إرادة الثواب والعقاب الذين هما ثمرتا الغضب والرضى ومسبباه في العادة.

Terjemahan: "... Telah mendalam kerinduan orang-orang abrar untuk bertemu denganKu, dan Aku lebih rindu untuk bertemu dengan mereka". Maha Suci Allah SWT daripada apa yang mereka faham daripada makna lafaz 'rindu' dengan makna sejenis perasaan sakit dan keberhajatan kepada kerehatan kerana ia adalah sifat kekurangan, namun 'kerinduan' itu adalah sebab untuk diterima orang yang dirindui itu dan melimpahkan nikmat kepadanya, maka dita'birkan dengan 'sebab' bagi menerangkan akibat, seperti mana dita'birkan kemurkaan dan keredaan dengan makna kehendak untuk memberi ganjaran dan hukuman yang mana keduanya adalah makna (thamarah) murka, redha dan akibat daripada keduanya pada adatnya

(al-Ghazali, 2012: 124-125)

Walaupun menyebutkan sifat, namun apa yang dimaksudkan ialah perbuatan yang lahir daripada sifat tersebut, seperti yang disebutkan oleh Dr. Sa'id Fudah:

ولا يبقى بعد ذلك إلا أن نقول: إن الغضب والرضا يطلقان على الله تعالى ويراد بهما الفعل المترتب على الغضب والرضا، وهو قول أهل السنة، أو يقال: إن الغضب والرضا هو تعلق الإرادة المرجح والمخصص لهذا الفعل؛ فإن قيل بالأول، فهو حادث غير قائم بالله تعالى، وهو فعل الله تعالى، وليس صفة له، وإن قيل بالثاني، فهو تعلق لصفة قديمة لله تعالى، وهو أمر اعتباري لا إشكال في نسبته لله، ولا إشكال في القول بقدمه، وهذان القولان هما القولان

الذان استقر عليها محققو أهل السنة. ونحن عند ما نقول: الله يغضب، أو نقول: غضب الله، فهذا وصف الله تعالى من حيث هو فاعل، وليس عبارة عن صفة قامت بذاته العلية، فالوصف صحيح، والصفة التي يقوم عليها هذا التعبير هي الإرادة كما سبق بيانه.

Terjemahan: Dan tidak tinggal setelah itu melainkan kita mengatakan: Kemurkaan dan keredaan itu ditlakkan kepada Allah SWT dan yang dimaksudkan dengannya ialah perbuatan yang menunjukkan kepada kemurkaan dan keredaan, inilah pendapat Ahli Sunnah. Atau dikatakan: Sesungguhnya kemurkaan dan keredaan itu adalah ta'alluq sifat iradah yang mentarjihkan dan mengkhususkan perbuatan ini. Sekiranya dikatakan dengan yang pertama, maka ia adalah perkara baharu yang tidak berada pada zat Allah SWT, dan ia adalah perbuatan Allah SWT namun bukan sifat bagiNya. Sekiranya dikatakan dengan yang kedua, maka ia adalah ta'alluq bagi satu sifat yang qadim bagi Allah SWT dan ia adalah amrun i'tibari, tidak ada masalah untuk dinisbahkan kepada Allah SWT, dan tidak ada kemusykilan untuk mengatakan ianya qadim. Dua pendapat ini adalah pendapat para muhaqqiq Ahli Sunnah. Dan ketika kita mengatakan: Allah SWT sedang atau telah murka, maka ini adalah sifat bagi Allah SWT dari sudut Dia adalah pelakunya, dan ia bukan ibarat kepada satu sifat yang berada pada zat Allah SWT. Menyifatkannya itu sah, namun makna yang dimenifestasikan dengan ibarat ini adalah sifat iradah seperti yang telah disebutkan

(Foudah, 2014: 1251)

5. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim menisbahkan sifat bangga dan gembira kepada Allah SWT dengan makna perasaan. Beliau berkata:

“Syekh Nazim mengatakan bahawa saat seorang hamba mengucapkan zikir la ilaha illa Allah maka Allah SWT akan berasa gembira kerana zikir ini merupakan yang paling afdhal. Allah SWT akan bangga memuji hamba ini kepada para malaikat. Kata Syekh Nazim (al-Qubrusi 2001): “This Zikr makes Allah SWT Almighty happy. He would say with pride to His angels.”. Maksudnya: “Zikir ini akan membuatkan Allah SWT gembira. Dia akan berkata dengan bangganya kepada para malaikat-Nya”

(Pengkaji, 2020: 114)

Jika diteliti, tidak ada sebarang *qarinah* pun yang menunjukkan bahawa Syekh Nazim memaksudkan lafaz ‘*pride*’ dan ‘*happy*’ yang disebutkan ini dengan makna perasaan (al-Qubrusi 2001: 84). Beliau sebenarnya mengisbatkan lafaz yang sememangnya telah *warid* di dalam hadith tanpa sebarang takwilan atau penambahan yang menunjukkan pengisbatan makna secara zahir. Jika hanya dengan menyebutkan lafaz ini sudah dianggap mengisbatkan

perasaan bagi Allah SWT, maka adakah Nabi SAW juga dianggap sebagai mengisbatkan perasaan bagi Allah SWT? Kerana apa yang disebutkan oleh Syekh Nazim ini adalah berdasarkan hadith sahih yang diriwayatkan oleh Muslim:

عن أبي سعيد الخدري، قال: خرج معاوية على حلقة في المسجد، فقال: ما أجلسكم؟ قالوا: جلسنا نذكر الله، قال الله ما أجلسكم إلا ذاك؟ قالوا: والله ما أجلسنا إلا ذاك، قال: أما إنني لم أستخلفكم تهمه لكم، وما كان أحد بمنزلي من رسول الله صلى الله عليه وسلم أقل عنه حديثاً مني، وإن رسول الله صلى الله عليه وسلم خرج على حلقة من أصحابه، فقال: «ما أجلسكم؟» قالوا: جلسنا نذكر الله ونحمده على ما هدانا للإسلام، ومن به علينا، قال: «الله ما أجلسكم إلا ذاك؟» قالوا: والله ما أجلسنا إلا ذاك، قال: «أما إنني لم أستخلفكم تهمه لكم، ولكنه أتاني جبريل فأخبرني، أن الله عز وجل يباهي بكم الملائكة.

Terjemahan: “Daripada Abu Sa’id al-Khudri RA beliau berkata: Mu’awiyah keluar menuju sebuah halaqah di masjid lalu beliau berkata: Apakah yang membuatkan kamu duduk berhimpun di sini? Mereka menjawab: Kami duduk untuk berzikir kepada Allah SWT. Beliau bertanya: Adakah demi Allah SWT tidak ada perkara lain melainkan perkara itu sahaja? Mereka menjawab: Demi Allah SWT tidak ada perkara lain melainkan perkara itu sahaja. Beliau berkata: Sesungguhnya aku tidak meminta kamu bersumpah kerana menuduh kamu, dan tidak ada seorang pun daripada kamu yang kurang hadithnya daripadaku, sesungguhnya Rasulullah SAW suatu hari keluar menuju sebuah halaqah para sahabatnya di masjid lalu baginda berkata: Apakah yang membuatkan kamu duduk berhimpun di sini? Mereka menjawab: Kami duduk untuk berzikir kepada Allah SWT dan memujinya atas hidayah Islam dan nikmat yang diberikan kepada kami. Lalu baginda berkata: Adakah demi Allah SWT tidak ada perkara lain melainkan perkara itu sahaja? Mereka menjawab: Demi Allah SWT tidak ada perkara lain melainkan perkara itu sahaja. Baginda berkata: Sesungguhnya aku tidak meminta kamu bersumpah kerana menuduh kamu, akan tetapi Jibril datang kepadaku dan mengkhabarkan bahawa Allah SWT berbangga-bangga dengan kamu kepada malaikatNya”

(al-Hajjaj, t.th: 4/2740)

Al-Nawawi di dalam *Sharh Sahih Muslim* ketika mensyarahkan makna ‘Allah SWT berbangga’ di dalam hadith menyatakan bahawa Allah SWT berbangga-bangga dengan manusia kepada malaikatNya bermaksud menzahirkan kelebihan dan kebaikan amalan manusia dan memujinya di sisi para malaikat. Asal perkataan ‘*al-baha*’ ialah keelokan dan kecantikan iaitu seseorang mencantikkan dirinya dengan harta atau isteri, yakni berhias, berbangga-bangga dengan perkara tersebut dan menzahirkannya kepada orang lain (al-

Nawawi, t.th: 4/2740).

Dapat difahami di sini bahawa walaupun disebutkan sesuatu sifat, namun yang dimaksudkan dengannya adalah perbuatan yang lahir daripada sifat tersebut, atau disebutkan sebab namun yang diinginkan adalah natijah atau *lazim* kepada sebab. Justeru, Allah SWT berbangga dengan hamba-hambanya adalah difahami dengan makna perbuatan, natijah atau *lazim* daripada sifat ini iaitu Allah SWT menzahirkan kelebihan dan keelokan amalan hamba tersebut di hadapan para malaikat.

Berkenaan makna ‘gembira’ bagi Allah SWT pula, al-Nawawi menjelaskan hadith Nabi SAW di bawah dan menukilkan *kalam* ulama yang menyebutkan bahawa, yang dimaksudkan dengan kegembiraan Allah SWT itu adalah keredaannya terhadap sesuatu perbuatan.

قوله صلى الله عليه وسلم: (الله أشد فرحا بتوبة عبده من أحدكم يجد ضالته بالفلاة) قال العلماء: فرح الله تعالى هو رضاه. وقال المازري: الفرح ينقسم على وجوه: منها السرور، والسرور يقاربه الرضا بالسرور به. قال: فالمراد هنا أن الله تعالى يرضى توبة عبده أشد مما يرضى واجد ضالته بالفلاة، فعبر عن الرضا بالفرح تأكيدا لمعنى الرضا في نفس السامع ومبالغة في تقريره.

Terjemahan: Sabda Nabi SAW: “Allah SWT sangat gembira dengan taubat hambanya lebih daripada seseorang yang menemui tunggangannya yang hilang di padang”. Ulama menyebutkan: Gembira Allah SWT ialah dengan makna keredaannya. Al-Mazari berkata: Kegembiraan terbahagi kepada beberapa makna, antaranya ialah senang hati, dan ia hampir dengan makna reda. Beliau berkata: Maka yang dimaksudkan di sini ialah Allah SWT meredai taubat hambanya lebih daripada redanya seseorang yang menjumpai tunggangannya yang hilang di padang, lafaz keredaan diibaratkan dengan gembira untuk menguatkan makna reda bagi orang yang mendengar dan mubalaghah di dalam ucapan

(al-Nawawi, t.th: 17/61)

Tidak masuk akal untuk mengatakan perkataan begini di dalam bahasa Arab tidak ada masalah, namun apabila diucapkan di dalam bahasa Inggeris atau bahasa lain maka ia tidak boleh.

6. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim menisbahkan sifat cemburu kepada Allah SWT dengan makna perasaan. Beliau berkata:

“ Syekh Nazim mengatakan bahawa Allah SWT bersifat dengan cemburu berdalilkan hadith Ghayrah Allah, lalu beliau memahami dan menterjemah hadith ini bahawa Allah SWT adalah “The Jealous God” (al-Qubrusi

2008). *Kata beliau (al-Qubrusi 2008): "Allah SWT Almighty is al-Ghayyur, 'The Jealous God'"* Maksudnya: "Allah SWT adalah al-Ghayyur, Tuhan yang cemburu"

(Pengkaji, 2020: 116)

Cemburu di sini bukanlah seperti cemburunya manusia dengan manusia yang lain, namun ia adalah *kinayah* daripada lazim cemburu tersebut iaitu larangan daripada melakukan perkara yang diharamkan, dan mengeraskan balasan bagi mereka yang melakukannya samada di dunia atau akhirat (al-Sanusi, 2015: 26).

Disebutkan sifat tetapi yang dimaksudkan adalah perbuatan yang lahir daripada sifat tersebut atau disebutkan sebab tetapi yang dimaksudkan adalah natijah atau *lazim* kepada sebab. Al-Nawawi ketika menjelaskan makna 'cemburu' pada hadith Nabi SAW mengatakan:

وليس أحد أغير من الله، من أجل ذلك حرم الفواحش.

Terjemahan: Dan tidak ada orang yang lebih cemburu daripada Allah SWT, oleh sebab itulah Dia mengharamkan perbuatan keji.

Justeru, al-Nawawi tidak mengisbatkan makna zahir bagi lafaz ini, sebaliknya mengisbatkan perbuatan, natijah atau lazim yang terhasil daripada sifat cemburu iaitu melarang melakukan sesuatu yang haram.

باب غيرة الله تعالى وتحريم الفواحش. قد سبق تفسير غيرة الله تعالى في حديث سعد بن عبادة وفي غيره، وسبق بيان لا شيء أغير من الله، والغيرة: بفتح الغين، وهي في حقنا: الأنفة وأما في حق الله تعالى فقد فسرها هنا في حديث عمرو الناقد بقوله صلى الله عليه وسلم وغيرة الله أن يأتي المؤمن ما حرم عليه، أي غيرته منعه وتحريمه.

Terjemahan: Bab cemburu Allah SWT dan pengharaman perkara keji. Telah lalu tafsiran berkenaan cemburu Allah SWT pada hadith Sa'ad bin 'Ubadah dan lain-lain, dan telah lalu penerangan tiada suatu pun yang lebih cemburu daripada Allah SWT. Dan cemburu itu pada hak kita ialah kemuliaan dan kebanggaan. Adapun pada hak Allah SWT telah ditafsirkan di sini pada hadith 'Amru al-Naqid dengan sabda baginda SAW: Dan cemburu Allah SWT itu ialah apabila seorang Mukmin itu melakukan perkara yang diharamkan ke atasnya, yakni cemburuNya itu ialah larangan dan pengharamanNya

(al-Nawawi, t.th: 17/77)

Al-Sanusi di dalam *Ta'wil Mushkilat al-Bukhari* ketika menerangkan hadith-hadith yang dipermasalahkan dalam *Sahih al-Bukhari* khususnya hadith ini menyebutkan, makna cemburu

Allah SWT kepada makhluk ialah *kinayah* kepada *lazim* cemburu tersebut iaitu menghalang daripada melakukan perkara yang haram, dan meningkatkan hukuman bagi mereka yang terlibat dalam perkara tersebut sama ada di dunia atau di akhirat, kecuali jika Allah SWT mengampunkan mereka dengan kemuliaanNya (al-Sanusi, 2015: 26).

Ketika menyebutkan perkara ini, Syekh Nazim sebenarnya sedang membahaskan berkenaan kepentingan mempunyai hati yang suci (*pure heart*). Inilah yang dituntut daripada setiap manusia berdasarkan firman Allah SWT:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ. إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ.

Terjemahan: Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah SWT dengan hati yang selamat sejahtera.

Justeru itu, Syekh Nazim menyebutkan setiap hamba perlu menumpukan seluruh kecintaan kepada Allah SWT melebihi daripada kecintaan manusia sesama manusia, kerana manusia semua itu akan binasa, maka kecintaan itu juga akan binasa. Namun sekiranya kecintaan itu disalurkan kepada Allah SWT, maka ia pasti akan diterima olehNya dan kegagalan dalam perkara ini akan menyebabkan kehidupan manusia menjadi pahit, sedangkan pada waktu yang sama kita semua akan mati dan pergi menghadapNya (al-Qubrusi, 2008: 33).

Setelah diteliti kembali teks Syekh Nazim ini, didapati bahawa beliau hanya menterjemahkan perkataan *al-Ghayyur* ke dalam bahasa Inggeris, tanpa menyebutkan sebarang indikasi bahawa Allah SWT itu cemburu seperti makhluk merasa cemburu. Sekiranya menterjemahkan itu adalah suatu salah, maka bagaimanakah orang ‘*ajam* ingin memahami teks wahyu ini?

7. Pengkaji mendakwa Syekh Nazim menisbahkan sifat ego kepada Allah SWT dengan makna perasaan. Beliau berkata:

“ Menurut beliau, golongan yang menyembah berhala itu kurang cerdik kerana menyembah benda yang diciptakan sendiri oleh mereka, sedangkan mereka itu hakikatnya ialah hamba Allah SWT, Tuhan yang ego. Kata Syekh Nazim (al-Qubrusi 2002.b): “And all the while we are in reality no better – devotees of the ego god”. Maksudnya: “Dan dalam semua ketika, kita berada dalam realiti yang tidak lebih baik – orang yang setia kepada Tuhan yang ego”

(Pengkaji, 2020: 115)

Namun jika kita perhatikan teks asal Syekh Nazim di dalam *In the Mystic Footsteps of Saints* beliau menyebutkan:

When our egos address us in such a manner, we reply, "Oh my ego, you are right to demand that I pay homage to you as well, and I shall strive to please you, to honour and obey you. And if, sometimes, I cannot do your bidding, please forgive me, please pardon me, and know that I am doing the best I can to please you."

Now we, as Muslims, as followers of the purest monotheistic religion, may be very smug and complacent about the status of our faith. Perhaps in museums or by the roadside we may see idols that the ancients hewed from stone, shaped from clay or from metal, and we may laugh at the foolishness of worshipping the product of one's own hands, saying, "Those ancients, how foolish they were—ha, ha—making some statues and offering them their humble obeisance, making vows to them, loving and honouring them!" And all the while we are in reality no better—devotees of the ego god. The Holy Prophet warned in the strongest terms against this pitfall, especially as it is so well hidden, like a trap in the jungle covered over with branches and grass. So many people worship this partner without ever even suspecting it.

Grandshaykh warned us also that this ego god is never really going to be satisfied with being number two. "No", it says, "I am first, second and third... worship none but me." But when it perceives resistance, it makes a sly calculation and says, "Alright, He is first, I am second", knowing that this is his chance to place himself in a position to sabotage our faith and eventually stage its coup.

Therefore, our task is to dethrone the partner; and all the prophets were sent to mankind in order to teach them how to go about that task

(al-Qubrusi 2002: 2/2)

Di sini jelas pengkaji memahami frasa 'ego god' sebagai Allah SWT Tuhan yang bersifat ego, sedangkan yang disebutkan oleh Syekh adalah 'menuhankan ego' iaitu manusia menjadikan ego mereka sebagai tuhan. Ini adalah satu bentuk tuduhan yang semberono terhadap Syekh Nazim iaitu mengatakan sesuatu yang tidak dikatakan (*ilzam*) dan menyelewengkan maksud sebenar. Sekiranya perkara ini difahami dengan baik, tidak akan timbul sebarang masalah.

KESIMPULAN

Berdasarkan kritikan terhadap setiap analisis pengkaji 'Pemikiran Akidah Syaikh Nazim al-Qubrusi yang dikhususkan kepada beberapa pandangan akidah Syekh Nazim al-Qubrusi berkaitan isu ketuhanan, maka dapat dirumuskan beberapa perkara penting:

1. Pengkaji menyimpulkan bahawa penguasaan Syekh Nazim dalam ilmu akidah adalah sangat lemah dan bertentangan dengan beberapa dasar utama Ahli Sunnah Wal Jamaah dan jumhur ulama khususnya dalam hal ketuhanan seperti dakwaan Syekh Nazim membawa pemikiran *tajsim*, *tasybih*, *ittihad*, *hulul*, *hashawiyah* dan *al-*

Mu'tazilah. Namun, setelah diteliti kembali kajian tersebut, terbukti bahawa dakwaan pengkaji adalah tidak tepat dan menyimpang daripada apa yang terdapat dalam teks yang dinukil oleh pengkaji sendiri.

2. Pada beberapa tempat, pengkaji dilihat tidak meraikan konteks keseluruhan perbincangan Syekh Nazim dalam membuat kesimpulan, yakni nukilan yang tidak penuh dan sempurna lantas menimbulkan salah faham terhadap teks. Rumusan secara akademik seharusnya dilakukan dengan mengambil kira keseluruhan konteks perbincangan dengan sempurna terutamanya dalam menyimpulkan pemikiran seseorang tokoh.
3. Pengkaji juga dilihat keliru dalam memahami metafora atau majaz yang digunakan oleh Syekh Nazim di dalam bahasa Inggeris, yang mana kebanyakannya adalah terjemahan daripada teks bahasa Arab yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi SAW.
4. Pengkaji mendatangkan satu pendapat yang didakwa sebagai pendapat majoriti ulama seperti dalam masalah penamaan Allah SWT, namun hakikatnya ia bukanlah pendapat majoriti ulama, sebaliknya merupakan masalah khilaf di kalangan ulama.

Melalui analisis yang telah dilakukan terhadap tesis '*Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah*' dan ulasan terhadap kefahaman pengkaji, artikel ini menyimpulkan bahawa pemikiran akidah Syekh Nazim yang dipertikaikan itu sebenarnya selari dengan apa yang dibawa oleh para ulama muktabar Ahli Sunnah Wal Jamaah bahkan pengkaji dalam kajian beliau yang banyak melakukan kesalahan metodologi dan penghujahan yang tidak sah serta mengelirukan (misleading).

RUJUKAN

- 'Abd al-Mukti, Mohd Fakhrudin. (1999). *Isu Ketuhanan dalam Bicara Falsafah*. Universiti Malaya: *Jurnal Usuluddin*, 9(1).
- Abd al-Rahman, 'Abd Allah. (1969). *Risalah Persediaan bagi Sekalian Mukallaf*. Kelantan: *Pondok Lubuk Tapah*.
- Ahmad bin Hanbal. (2001). *Musnad Ahmad*. Ed.: Syu'aib al-Arna'out. Beirut: *Muassasah al-Risala*.
- al-Baqillani, Abu Bakr Muhammad bin Tayyib. (1957). *Kitab al-Tamhid*. Beirut: *Maktabah al-Shaqiyyah*.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1971). *Al-Maqsad al-Asna fi Syarh Asma Allah SWT al-Husna*. Lubnan: *Dar al-Mashriq*.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2012). *al-Iqtisad Fi al-I'tiqad*. Jeddah: *Dar al-Minhaj*.
- Burrel, D. B. and Daher, N. (1992). *The Ninety-Nine Beautiful Names of God (translation of al-Maqsad al-Asna fi Sharh asma' Allah SWT al-Husna)*. Cambridge: *The Islamic Text Society*.
- Foudah, S. (2014). *Al-Sharh al-Kabir 'Ala al-Aqidah al-Tahawiyah*. Beirut: *Dar al-Dhakha'ir*.
- Hans Wehr. (1976). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. New York: *Spoken*

Language Services Inc.

- ISCA, Syekh Muhammad Hisham Kabbani, 2022, <https://www.facebook.com/ASWJResearchGroup/photos/a.788872904476955/5670007403030123/>, retrieved in 7th April 2023.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil 1/2018 – 1439H Pada 7 Jumada Al-Ula 1439h/24 Januari 2018 tentang *Pengiktirafan Tarekat Naqshabandiyah al-Aliyyah di bawah Enakmen Tariqat Tasawuf Negeri Sembilan 2005*. Nombor Pendaftaran JMKNNNS BTT.070-2/1(33).
- al-Nawawi, Sharaf al-Din, *Sharh Sahih Muslim*. Kaherah: *Dar al-Sha'b*.
- Pengkaji, *Pemikiran Akidah Syekh Nazim Al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah*. Bangi: *Universiti Kebangsaan Malaysia*, 2020.
- al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf. (2019). *Al-Aqidah al-Sughra*. Ed.: Ahmad Arif Zulkefli. Johor: *ARG Publications*.
- al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf. (2015). *Ta'wil Mushkilat al-Bukhari*. Ed.: Nizar Hammadi. Tunis: *Dar al-Imam Ibn 'Arfah*.
- al-Sugtani, Abu Mahdi Isa bin 'Abd al-Rahman. (2020). *Hashiah 'ala Sharh al-Aqidah al-Sughra li al-Sanusi*. Ed.: Ahmad Arif Zulkefli. Kaherah: *Dar Soleh*.
- al-Wazzani, Idris bin Ahmad, *Al-Nashr al-Tayyib ala Syarh al-Syekh al-Tayyib*. Kaherah: *Al-Matba'ah al-Misriyyah*.
- al-Qubrusi, Nazim Adil al-Haqqani. (2012). *99 Drops from Endless Mercy*. T.tp: t.p..
- al-Qubrusi, Nazim Adil al-Haqqani. (2008). *Love; Sufi Teachings and Spiritual Practices*. Spain: *Sereseres Edition*.
- al-Qubrusi, Nazim Adil al-Haqqani. (1981). *Mercy Ocean Hidden Treasures*. T.tp: t.p.
- al-Qubrusi, Nazim Adil al-Haqqani. (1980). *Mercy Oceans Book One*. T.tp: t.p.
- al-Qubrusi, Nazim Adil al-Haqqani. (190). *Mercy Oceans: Emerald of Eden*. Colombo: *Peacock Printers*.
- Yousef, Jinan. (2020). *Reflecting on the Names of Allah SWT*. USA: *Al-Buruj Press*.
- Zawawi et al. (2021). *Pemikiran Akidah Syekh Nazim al-Qubrusi Menurut Ahli Sunnah Waljamaah: Ulasan Kritikal Terhadap Dakwaan Dalam Isu-Isu Tasawuf*. (UKM: *Jurnal Al-Hikmah* 13(2)).